

PROGRAM PENGURUSAN DAN KETAHANAN KEWANGAN (URUS)

Soalan Lazim

Soalan Lazim yang lebih terperinci tentang URUS termasuk maklumat permohonan akan dikongsi mendekati tarikh permohonan dibuka, iaitu 15 November 2021

No	Soalan	Jawapan
Umum		
1.	Apa itu URUS?	<ul style="list-style-type: none">• URUS ialah program bantuan holistik yang membantu peminjam/pelanggan rentan yang terkesan oleh COVID-19, yang masih menghadapi kesulitan aliran tunai.• Ia menawarkan bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan dan sokongan pembangunan termasuk pelan kewangan peribadi, program pendidikan kewangan dan saluran untuk meningkatkan pendapatan dan sokongan pembangunan lain melalui rujukan kepada Jaringan Sinergi Sosial.
2.	Siapa yang layak menerima bantuan di bawah URUS?	<p>Pelanggan B50 yang memenuhi SEMUA kriteria berikut layak memohon URUS:</p> <ul style="list-style-type: none">• Telah pun berada di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (seperti Bantuan Bayaran Balik Bersasar, PEMERKASA Plus, PEMULIH, penjadualan dan penstrukturan semula oleh pihak bank dan sebagainya) pada 30 September 2021; dan• Mempunyai pendapatan isi rumah sehingga RM5,880¹; dan• Mempunyai pinjaman/pembiayaan yang sudah pun berada dalam program bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan pada 30 September 2021 (tiada tunggakan melebihi 90 hari) semasa tarikh permohonan; dan• Mengalami kehilangan pekerjaan atau pengurangan gaji sekurang-kurangnya 50%. <p>Nota: Bank anda boleh memohon dokumen asas untuk mengesahkan kelayakan anda.</p>
3.	Apakah bantuan yang saya boleh dapat daripada URUS?	<ul style="list-style-type: none">• Anda akan mendapat pelan kewangan peribadi yang menyatakan jumlah bayaran balik ansuran bulanan serta jadualnya sehingga 24 bulan. Pelan ini akan mengambil kira semua hutang dan jumlah pendapatan yang anda mampu peruntukkan untuk

¹Berdasarkan data pendapatan isi rumah daripada Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Statistik Malaysia

No	Soalan	Jawapan
		<p>membayar hutang, selepas menampung segala keperluan hidup. Pelan kewangan peribadi ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> ○ pembayaran ansuran tanpa faedah/keuntungan selama 3 bulan; ○ penangguhan bayaran dan pilihan lain termasuk pengurangan ansuran untuk membantu mengurus hutang keseluruhan selaras dengan kemampuan anda; dan ○ sokongan pembangunan, pendidikan dan nasihat untuk membantu anda mengurus kewangan dan lebih berdaya tahan dari segi kewangan. <ul style="list-style-type: none"> • Sebagai kemudahan tambahan, pelanggan dengan pinjaman/pembiayaan daripada pelbagai bank hanya perlu memohon daripada salah satu daripada bank mereka, dan kemudian AKPK akan membantu menyatukan semua perincian pinjaman/pembiayaan daripada bank-bank ini dan membentuk pelan bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan yang holistik dan berdaya maju untuk pelanggan.
4.	Bolehkah saya hanya menerima pembayaran balik pinjaman/pembiayaan tanpa faedah/keuntungan selama 3 bulan, tanpa pelan kewangan peribadi?	<ul style="list-style-type: none"> • Anda akan mendapat manfaat daripada pelan kewangan peribadi secara percuma sebagai sebahagian daripada pakej bantuan URUS. Sekiranya anda hanya memilih untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan selama 3 bulan tanpa faedah/keuntungan, anda tetap akan mendapat manfaat yang tersebut.
5.	Bolehkah saya terus mengakses talian kredit dengan pihak bank jika saya menyertai URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, anda masih boleh mengakses kredit yang belum dipakai.
Permohonan		
6.	Bila saya boleh memohon URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan untuk URUS dibuka dari 15 November 2021 hingga 31 Januari 2022.
7.	Bagaimana cara untuk memohon URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu memohon untuk menyertai URUS melalui salah satu daripada bank anda. • Perincian permohonan akan dikongsi menghampiri tarikh 15 November 2021.

No	Soalan	Jawapan
8.	Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Anda hanya perlu menyediakan dokumen asas yang membuktikan status pekerjaan atau pendapatan anda (pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50% atau hilang pekerjaan). • Perincian permohonan akan dikongsi menghampiri tarikh 15 November 2021.
9.	Apa akan berlaku kepada permohonan saya setelah permohonan dihantar, dan bagaimana boleh saya mendapatkan pengesahan menyertai URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak bank akan mengesahkan kelayakan anda dan menghantar permohonan kepada AKPK untuk menghasilkan pelan peribadi kewangan anda. Kemudian, AKPK akan menghubungi anda tentang status permohonan anda. • Perincian permohonan akan dikongsi menghampiri tarikh 15 November 2021.
10.	Adakah rekod kredit (CCRIS) saya akan terjejas jika saya menerima bantuan di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun pinjaman/pembiayaan di bawah URUS akan dikenal pasti dalam laporan kredit Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) anda. Ini akan memudahkan tindakan susulan dan pemantauan oleh AKPK dan pihak bank untuk bantuan lanjut sekiranya anda memerlukannya sepanjang berada di bawah program ini. • Pengenalpastian akan dikeluarkan setelah anda tamat daripada program ini, yang boleh berjalan antara 6 hingga 24 bulan dari tarikh pendaftaran ke dalam URUS. Tempoh minimum 6 bulan ini sesuai dengan jangka masa yang diperlukan untuk melengkapkan program pendidikan kewangan di bawah AKPK yang bertujuan untuk meningkatkan ketahanan kewangan peminjam/pelanggan.
11.	Bolehkah saya memohon pinjaman/pembiayaan baharu jika saya menyertai URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh, namun sebarang permohonan pinjaman/pembiayaan baharu adalah tertakluk kepada proses penilaian dan penilaian kredit yang dilakukan oleh bank seperti biasa.
Sokongan Pembangunan		
12.	Bagaimanakah cara pelan kewangan peribadi AKPK berfungsi?	<ul style="list-style-type: none"> • Sila rujuk jawapan kepada soalan 3. • Selain itu, peminjam/pelanggan boleh mendapatkan bantuan daripada Penasihat Kewangan AKPK pada bila-bila masa untuk menilai semula pelan kewangan peribadi mereka atau mendapatkan nasihat tentang isu-isu pengurusan kewangan. Penasihat Kewangan AKPK juga membantu peminjam/pelanggan berurusan dengan bank masing-masing berkaitan bantuan bayaran balik pinjaman/pembiayaan di bawah URUS.

No	Soalan	Jawapan
13.	Apakah yang saya akan perolehi daripada program pendidikan kewangan AKPK?	<p>Anda akan diberikan akses kepada saluran pendidikan percuma yang khusus untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran pengurusan kewangan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan Matlamat • Pengurusan Aliran Tunai • Asas Peminjaman/Pembiayaan • Pengurusan Hutang • Pengurusan Kekayaan/Aset
14.	Apakah itu Jaringan Sinergi Sosial?	<ul style="list-style-type: none"> • Jaringan Sinergi Sosial ialah usaha sama antara pelbagai agensi yang memberikan manfaat pembangunan. • Jaringan ini membolehkan anda mendapatkan bantuan melalui rujukan kepada pelbagai agensi mengikut keperluan individu, termasuk saluran untuk menambah pendapatan dan sokongan pembangunan yang lain. • Rujukan kepada agensi berkaitan adalah, antaranya, untuk memberikan peluang pekerjaan, manfaat dan bantuan kewangan; platform perniagaan dan latihan digital; pinjaman/dana perniagaan; latihan peningkatan kemahiran dan pemahiran semula, dan juga bantuan sokongan emosi. • Antara agensi yang berada dalam Jaringan ini termasuk PERKESO, MDEC, TEKUN, GIATMARA dan lain-lain.
15.	Bolehkah saya hanya memohon bantuan bayaran balik tanpa sokongan pembangunan di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> • Anda tetap akan menerima program sokongan pembangunan yang sudah termasuk dalam pakej bantuan di bawah URUS. Anda digalakan untuk menamatkan dan memanfaatkan program sokongan bantuan di bawah URUS yang bertujuan untuk meningkatkan ketahanan kewangan jangka panjang anda. URUS ialah pakej bantuan lengkap yang menggabungkan bantuan bayaran balik dan sokongan pembangunan.
Bantuan Lanjut		
16.	Saya tidak layak menyertai URUS tetapi masih memerlukan bantuan bayaran balik. Apa yang boleh saya lakukan?	<ul style="list-style-type: none"> • Jika anda masih memerlukan bantuan bayaran balik tetapi tidak layak untuk menyertai URUS, anda masih boleh menerima bantuan daripada bank anda. Anda perlu menghubungi bank anda untuk pilihan bayaran balik yang sesuai dengan keperluan dan keadaan kewangan anda.

No	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi AKPK untuk nasihat dan bantuan di bawah pelbagai program yang sedia ada untuk isi rumah dan PKS, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> ○ Program Pengurusan Kredit (PPK) ○ Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) ○ Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST)
17.	Apa itu Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST)?	<ul style="list-style-type: none"> • FIRST ialah skim bantuan oleh AKPK yang turut mempunyai ciri pengurangan ansuran, pelanjutan tempoh pinjaman dan program sokongan ketahanan kewangan. Ia melengkapkan skim penstrukturan semula oleh pihak bank. • Peminjam/pelanggan yang memerlukan bantuan bayaran balik lebih lanjut perlu menghubungi bank mereka untuk pilihan bayaran balik yang sesuai dengan keperluan dan keadaan kewangan mereka.
18.	Dengan siapakah saya perlu hubungi untuk maklumat lanjut tentang URUS?	Anda boleh menghubungi mana-mana bank anda, menghampiri tarikh permohonan dibuka, iaitu pada 15 November 2021 untuk maklumat lanjut tentang URUS. Maklumat berkaitan akan dipaparkan di semua saluran komunikasi utama apabila tiba masanya, termasuk di laman web, media sosial, cawangan dan talian telefon bank anda.

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM),
Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM),
Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM) dan
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
14 Oktober 2021